

Simbol keakraban dua negara

Diplomasi Panda merupakan satu simbolik sempena sambutan 40 tahun hubungan diplomatik antara Malaysia dan China yang akan disambut pada 31 Mei 2014.

Oleh KHADIJAH MOHAMAD NOR
khadijah.mohamadnor@kosmo.com.my

KEHADIRAN dua ekor beruang panda yang bernama Fu Wa (jantan) dan Feng Yi (betina) ke Malaysia pada 21 Mei lalu membawa pelbagai pandangan sekali gus mencetuskan polemik dalam negara ini.

Apatah lagi apabila dimaklumkan kos keseluruhan dalam proses peminjaman panda selama sedekad itu mencecah RM60 juta, ia terus disifatkan sebagai satu pembaziran buat negara.

Lantaran itu, terciptalah pelbagai ayat, peribahasa dan kosa kata yang menjadikan panda sebagai sumbernya hasil 'kreativiti' rakyat Malaysia yang melihat perkara itu sebagai sesuatu yang negatif.

Sebaliknya, masyarakat tidak melihat proses itu membawa signifikan

terhadap perhubungan diplomatik dua negara antara Malaysia dan China.

Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohd. Azizuddin Mohd. Sani berkata, perkara ini yang dinamakan sebagai Diplomasi Panda merupakan satu simbolik sempena sambutan 40 tahun hubungan diplomatik antara Malaysia dan China yang akan disambut pada 31 Mei 2014.

Hubungan intim

"Hakikatnya, peminjaman dua ekor panda itu mencerminkan keakraban hubungan kedua-dua negara. Ramai yang tidak mengetahui bahawa jarang sekali China ingin meminjamkan beruang panda kepada negara luar kecuali jika negara itu mempunyai hubungan intim dengan China. "Justeru, selama sedekad panda ter-

KEHADIRAN beruang panda ini turut menawarkan kelainan kepada Zoo Negara.

KOSMO 29/5/14 MS 291

bagai tarikan pelancong.

"Namun, sekiranya difikirkan manfaat ekonomi yang akan diperoleh dari hubungan Malaysia-China, sudah tentu berbaloi membawa panda ini. Pada tahun 2012, nilai dagangan Malaysia dengan China berjumlah AS\$88 bilion (RM283 bilion)

"Dalam tempoh lima tahun, nilai dagangan itu cuba ditingkatkan sebanyak AS\$160 bilion (RM515 bilion). Melalui diplomasi inilah, Malaysia cuba menarik pelaburan China ke dalam negara. Jadi, memikirkan hal ini, maka adalah berbaloi membawa panda ke Malaysia," tegas Mohd. Azizuddin lagi.

Menyentuh tentang kritikan keras dan bertubi-tubi pembangkang, beliau mengakui mereka mempunyai hak dan tidak salah untuk mengkritik. Bagaimanapun, penghujahan bernas perlu dikemukakan oleh ke-



AZIZUDDIN



Ironinya, panda adalah haiwan yang sangat dihargai bukan sahaja oleh rakyat China tetapi juga seluruh dunia. Tetapi, pada masa yang sama, hidupan ini turut diancam kepupusan.

Perkara ini diakui oleh Pengarah Treat Every Environment Special (TrEES), Leela Pandikar, iaitu sebuah organisasi bukan kerajaan yang memfokuskan pada aktiviti pemuliharaan alam sekitar.

Jangka hayat

"Seperti hidupan liar di Malaysia, panda juga berhadapan dengan tekanan kehilangan dan perpecahan habitat disebabkan aktiviti pembangunan termasuklah pembinaan jalan, perlombongan, empangan serta penukaran hutan untuk pertanian.

"Aktiviti pemburuan haram dan penapaian buluh juga menjadi satu ancaman besar buat haiwan comel ini," terang Leela melalui e-mel kepada *Kosmo!*



KAKITANGAN Lapangan Terbang Chengdu Shuangliu, China mengangkat panda di dalam sangkar ketika dalam proses penghantaran ke Malaysia.

Aktiviti pemburuan haram dan penuaian buluh juga menjadi satu ancaman besar buat haiwan comel ini
— **LEELA**



HAIWAN unik ini memerlukan sebulan untuk penyesuaian di Zoo Negara sebelum dilawati pengunjung.

“Justeru, selama sedekad panda tersebut berada di Malaysia, ia menggambarkan sedekad keakraban hubungan Malaysia-China. Bagaimanapun, saya fikir lebih baik juga jika Malaysia meminjamkan dua ekor orang hutan kepada China sebagai balasan,” ujar Mohd. Azizuddin ketika diminta mengulas mengenai isu berkenaan.

Tambah beliau, kos RM60 juta yang digunakan dalam proses Diplomasi Panda ini akan membazir sekiranya penjagaan panda tidak dilakukan dengan baik dan Malaysia gagal memanfaatkan ketibaan panda ini se-

han kerana perlu dikemukakan oleh kedua-dua pihak yang berasaskan fakta.

“Dalam persoalan Diplomasi Panda ini, ternyata kerajaan bijak menilai manfaat hubungan antara kedua negara. Saya kira langkah kerajaan ini tepat pada masanya yang boleh membawa kemakmuran kepada negara,” katanya.

Perjanjian peminjaman sepasang panda gergasi ini telah dimeterai antara kerajaan Malaysia dengan China Wildlife Conservation Association (CWCA) pada bulan Jun 2012.

Ini merupakan permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri ketika menemui Perdana Menteri China, Wen Jiabao sewaktu lawatan beliau ke Nanning, China pada April 2012.



KOMPLEKS Giant Panda di Zoo Negara berkeluasan 1.6 hektar menjadi kediaman baharu Fu Wa dan Feng Yi.

Leela e-mel kepada *Kosmo!*.
Sehubungan itu, antara penyelesaian yang boleh dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini ialah meningkatkan kawasan perlindungan dan kapasiti untuk menguruskan, mencipta koridor hijau untuk menghubungkan habitat panda dan mengehendak penuaian buluh yang merupakan 99 peratus daripada diet panda.

Sejauh manakah persekitaran di Malaysia sesuai untuk kehidupan panda? Leela menjangkakan, secara umumnya persekitaran semula jadi di negara ini tidak sesuai buat haiwan tersebut.

“Disebabkan itulah, jutaan ringgit telah dibelanjakan untuk membina kompleks panda semata-mata bagi mewujudkan persekitaran yang selesa dan berhawa dingin buat pasangan panda gergasi itu,” katanya.

Tambah Leela, panda boleh hidup sehingga mencecah usia 30 tahun dalam kurungan manakala jika hidup di hutan, ia mungkin hidup antara 14 hingga 20 tahun.

“Terdapat banyak faktor yang menentukan jangka hayat panda. Dengan penjagaan habitat dan kesihatan yang baik, saya yakin panda boleh hidup di Malaysia selama 10 tahun lagi.

“Kami berharap, melalui program pendidikan panda di Zoo Negara, Malaysia akan menjadi lebih sensitif terhadap nasib hidupan liar di seluruh dunia dan menjadi lebih aktif dalam pemuliharaan hidupan liar.

“Sama seperti hidupan liar yang memainkan peranan penting dalam mengekalkan ‘kesihatan’ hutan, kita juga memainkan peranan yang amat penting dalam memulihara habitat mereka,” ungkapnya penuh makna.